

TARIKH	SELASA, 5 JULAI 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	TINGKAT KELAJUAN JALUR LEBAR
M/S	30
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	TECHNOLOGY UTILIZATION, MEASAT-3D



Pelancaran Measat-3d jadi Malaysia memiliki satelit termaju Asia Pasifik lengkap jalur frekuensi 'QV'

**FOKUS IT**

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
saufi@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur:** Kejayaan pelancaran satelit baharu negara, Measat-3d hujung minggu lalu sekali gus menjadikan negara memiliki satelit termaju di Asia Pasifik yang dilengkapi dengan jalur frekuensi 'QV' (QV Band).

Ia adalah satelit pertama yang dilancarkan di rantau ini dilengkapi dengan jalur frekuensi berkenaan selain daripada jalur C, Ku, Ka dan L. Satelit yang dibina oleh syarikat gergasi aeronatik antarabangsa, Airbus itu dilancarkan pada Khamis lalu di Pusat Pelancaran Angkasa Eropah, Kourou,

French Guiana, Amerika Selatan. Keberadaan satelit berkenaan juga akan meningkatkan kapasiti jalur lebar di negara ini sehingga 100 mbps sesuai dengan keperluan dunia digital pada hari ini. Ketua Satelit Komunikasi Airbus, Francois Gaullier berkata, Measat-3d adalah satelit

E3000 yang ke-57 dibina oleh syarikat berkenaan. "Satelit berkenaan diletakkan pada slot orbit 91.5 darjah Utara bergandingan dengan Measat-3b yang juga dibina oleh Airbus. "Kelengkapan baharu ini akan membantu untuk meningkatkan tahap kelajuan jalur lebar dengan signifikan

sehingga mencapai 100 mbps di kawasan tanpa rangkaian atau tahap rangkaian terhad di Malaysia. "Ia juga akan membekalkan kapasiti lebih dan kapasiti tambahan bagi penyampaian atau capaian video resolusi Ultra Tinggi (HD), 4K dan akhirnya 8K di rantau

Asia Pasifik," katanya kepada Metro Ahad, semalam. Beliau berkata, Measat-3d dibina berasaskan kepada platform satelit Eurostar syarikat berkenaan yang amat dipercayai sertamerangkumi siri E3000 yang terkini. Sejumlah 58 satelit daripada platform

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---